



Terima Kasih atas Sokongan Anda

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pelabur yang memohon untuk Bon Temasek T2023-S\$.

Kami telah menerbitkan Bon Temasek sejak 2005, dan berbesar hati memaklumkan bahawa Bon Temasek dibuka untuk pelabur runcit di Singapura buat kali pertama.

Kami mengalu-alukan penyertaan pemegang bon baharu, terutamanya para pelabur runcit kami.

Anda menyertai pelabur Bon Temasek kami yang lain, sebagai pihak berkepentingan yang memberi perhatian kepada prestasi kami sebagai pelabur, institusi dan pengelola.

TEMASEK BOND

Bon T2023-S\$ 5 tahun
Kadar faedah tetap
2.70% setahun



Untuk maklumat lanjut, sila layari temasek.com.sg/bond

Pengenalan

Temasek Financial (IV) Private Limited ialah penerbit Bon Temasek T2023-S\$, yang pada mulanya terdiri daripada:

- Penawaran sebanyak S\$200 juta kepada pelabur institusi, pelabur yang diiktiraf dan pelabur tertentu yang lain;
- Tawaran Awam hingga S\$200 juta kepada pelabur runcit di Singapura.

Temasek menjamin sepenuhnya semua bayaran faedah bagi Bon Temasek T2023-S\$ dan pembayaran balik jumlah prinsipal yang penuh apabila mencapai tempoh matang.

Pembidaan daripada pelabur institusi, pelabur yang diiktiraf dan pelabur tertentu yang lain dalam proses runding niaga telah digunakan untuk menentukan kadar faedah Bon Temasek T2023-S\$.

Kadar faedah yang sama telah ditawarkan kepada para pelabur runcit dalam Tawaran Awam.

Peruntukan Bon Temasek T2023-S\$

Memandangkan permintaan kukuh daripada para pelabur runcit, Penerbit dan Temasek telah memutuskan untuk menambah S\$100 juta kepada jumlah terbitan Tawaran Awam. Jumlah terbitan sebanyak S\$500 juta diperuntukkan seperti yang digambarkan di bawah:

Penawaran kepada pelabur institusi, pelabur yang diiktiraf dan pelabur tertentu yang lain

Jumlah tawaran	: S\$200 juta
Pembidaan yang diterima	: sekitar S\$1,438 juta
Kadar langganan	: lebih sedikit daripada 7 kali

Tawaran Awam kepada pelabur runcit di Singapura

Jumlah tawaran	: S\$300 juta
Permohonan sah yang diterima	: sekitar S\$1,676 juta
Kadar langganan	: sekitar 5 kali

Bagi pemohon yang berjaya dalam Tawaran Awam, peruntukan Bon Temasek T2023-S\$ mereka akan dikreditkan ke dalam akaun CDP masing-masing pada 25 Oktober 2018.

Pemohon yang tidak menerima peruntukan penuh mereka akan dibayar balik baki masing-masing mulai 24 Oktober 2018, ke dalam akaun bank yang ditetapkan atau Akaun Biasa CPF, bergantung pada sumber awal dana permohonan mereka.

Tarikh Penting

Rabu 24 Okt 2018	Untuk pemohon yang tidak menerima peruntukan penuh mereka, bayaran balik ke akaun bank atau Akaun Biasa CPF mereka akan mula diberikan, sepenuhnya atau sebahagiannya menurut yang sewajarnya.
Khamis 25 Okt 2018	Tarikh penerbitan.
Khamis 25 Okt 2018	Pelabur runcit boleh menyemak peruntukan mereka dalam akaun CDP masing-masing.
Jumaat 26 Okt 2018	Jangkaan mula perdagangan di Papan Utama SGX-ST pada jam 9.00 pagi. Nama Dagangan untuk bon tersebut ialah Temasek 2.7% 231025XB# dan kod saham SGX-ST ialah TEKB .
Khamis 25 Apr 2019	Pembayaran faedah pertama. Semua bayaran akan dibuat pada atau sekitar 25 Apr dan 25 Okt setiap tahun, sehingga matang pada Okt 2023.

Semua pemohon yang telah mengemukakan permohonan sah di bawah Tawaran Awam sebanyak S\$300 juta telah diperuntukkan semua atau sebahagian daripada bon yang dipohon seperti berikut:

Jumlah bon Tawaran Awam yang dipohon (S\$)	Bon Tawaran Awam yang diperuntukkan kepadanya setiap pemohon yang berjaya (S\$)	Peratusan yang diperuntukkan di bawah Tawaran Awam (%)	Jumlah pemohon Tawaran Awam yang berjaya
1,000	1,000	0.3	1,009
2,000	2,000	1.1	1,711
3,000	3,000	1.3	1,326
4,000	4,000	0.7	555
5,000	5,000	9.1	5,441
6,000	6,000	1.3	641
7,000 to 30,000	6,000	56.6	28,295
31,000 to 100,000	6,000	24.6	12,319
101,000 to 200,000	7,000	3.4	1,436
201,000 to 335,000	8,000	1.0	357
336,000 to 3,001,000	9,000	0.6	192
Jumlah		100	53,282

BUKAN UNTUK PENYIARAN ATAU PENGEDARAN DI ATAU KE AMERIKA SYARIKAT. Pengumuman ini bukanlah suatu tawaran sekuriti untuk iuluhan di Amerika Syarikat. Sekuriti tidak boleh ditawarkan atau dijual tanpa pendaftaran di Amerika Syarikat atau pengecualian daripada pendaftaran menurut U.S. Securities Act of 1933, sebagaimana yang dipinda. Tiada mana-mana bahagian tawaran yang dicadangkan ini bertujuan akan didaftarkan atau dijalankan di Amerika Syarikat. Bon Temasek T2023-S\$ ditawarkan atau dijual hanya kepada bukan warga A.S. di luar Amerika Syarikat.

TEMASEK